

Rwanda guna askar kanak-kanak

Siner 28/10/13 Ms 51

AMERIKA Syarikat (AS) mengenakan sekatan ke atas Rwanda berhubung penggunaan askar kanak-kanak oleh pemberontak di Republik Demokratik Congo (DR Congo).

Penolong Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Afrika Linda Thomas-Greenfield berkata, AS menggunakan Akta Perlindungan Askar Kanak-kanak 2008 dalam mengenakan sekatan ke atas Rwanda.

"Langkah awal diambil adalah menamatkan bantuan kewangan dan ketenteraan dalam tahun fiskal 2014 bermula 1 Oktober. Tetapi, kami masih menyokong tentera pengaman di sana termasuk kalangan tentera kanak-kanak," katanya.

Jurucakap Timbalan Jabatan Negara Marie Harf berkata, Rwanda dikenakan sekatan kerana menyokong gerakan pemberontak M23 yang disifatkan sebagai kumpulan pemberontak yang terus aktif merekrut dan menculik kanak-kanak serta mengancam kestabilan di DR Congo Timur.

Pemberontak M23 diasaskan bekas pemberontak Tutsi yang digabungkan ke dalam tentera Congo di bawah perjanjian damai 2009.

Pada April 2012, M23 meng-



Kanak-kanak dilatih menggunakan peluru morlar dan senapang.

angkat senjata terhadap bekas rakan-rakan mereka dan melancarkan pemberontakan untuk memusnahkan bahagian timur DR Congo yang kaya dengan sumber mineral.

kan perkhidmatan tentera yang disertai di barat daya Wilayah Katanga.

Timbalan Ketua Komunikasi OCHA, Sylvestre Ntumba Mudingayi berkata, kempen kesedaran supaya kanak-kanak berkenaan meninggalkan kumpulan tentera itu dianggap berjaya selepas 557 kanak-kanak meninggalkan kumpulan terbabit an-

Info

- Askar kanak-kanak adalah mereka yang di bawah umur 18 tahun, diambil oleh kerajaan atau kumpulan bersenjata bukan kerajaan dan digunakan sebagai pejuang, tukang masak, pengebom berani mati, perisai manusia, perisik atau pekerja seks.
- Dua pertiga daripada negara dunia mengharamkan askar kanak-kanak, tetapi ditawarkan sebagai sukarelawan pasukan bersenjata.
- Kanak-kanak miskin yang dipisahkan dari keluarga, mempunyai akses kepada pendidikan atau tinggal di zon pertempuran lebih cenderung dipaksa menjadi askar.
- Ramai kanak-kanak tidak dipaksa menjadi askar tetapi mereka secara sukarela menyertai pasukan itu kerana beranggapan berada di bawah ketenteraan boleh mendapat gaji, makanan dan jaminan keselamatan.
- Pada 2011, 20 negara melaporkan, mempunyai askar kanak-kanak dalam kerajaan, kerajaan gabungan dan kumpulan bersenjata manakala 40 negara masih merekrut kanak-kanak bawah umur 18 tahun.
- Kira-kira 10 hingga 30 peratus daripada tentera kanak-kanak perempuan terdedah dengan keganasan seksual.
- Di Chad terdapat antara 7,000 dan 10,000 kanak-kanak di bawah 18 berkhidmat dalam pertempuran.
- AS pernah memberikan bantuan





Lebih 550 askar kanak-kanak dibebaskan

Pejabat PBB bagi Penyelarasan Hal Ehwat Kemanusiaan (OCHA) melaporkan, lebih 550 kanak-kanak meninggal-

tara Mac dan Ogos.

Menurutnya, kumpulan bersenjata di utara Katanga dan kumpulan pejuang Mai Mai menggunakan tentera kanak-kanak secara paksa.

"Seramai 444 askar kanak-kanak kini tinggal di rumah perlindungan, manakala 113 kembali semula ke pangkuan keluarga, manakala 27 kanak-kanak menyertai tentera kerajaan menerima gaji penuh terakhir dan jaminan keselamatan," katanya.

Kini, kesemua kanak-kanak itu, diberi bantuan persekolahan dan pendidikan moral. Kebanyakan daripada mereka mempunyai karakter 'ganas' kerana kesan daripada latihan ketenteraan yang keras.

- AS pernah memberikan bantuan ketenteraan kepada Chad, DR Congo, Rwanda, Somalia, Sudan, Yaman dan Syria.

- Jumlah negara menggunakan askar kanak-kanak meningkat daripada tujuh ke 10 orang pada 2012 dan 2013.

- Negara yang menggunakan askar kanak-kanak sejak 2011 adalah Afghanistan, Colombia, India, Iraq, Israel, Libya, Mali, Pakistan, Thailand, Sudan, Syria, Yaman, Chad, DR Congo, Myanmar, Rwanda dan Somalia.

INDEKS ASKAR KANAK-KANAK 2014

NEGARA	RANKING DUNIA
SOMALIA	1
SYRIA	1
DR CONGO	3
SUDAN	3
AFGHANISTAN	5
COLOMBIA	6
AFRIKA TENGAH	7
MYANMAR	8
IRAQ	9
YEMEN	9





Hentikan *Tatmadaw*

LIZA HASAN

WALAU PUN tidak minat pada pekerjaan memperbaiki motosikal, Zaw Min Paing tetap gigih memperbaiki sebuah motosikal buruk di bawah terik mentari. Tangannya dipenuhi minyak hitam, dilihat cukup pantas dan bersemangat memperbaiki kenderaan itu.

Berumur 20 tahun dan gagal menamatkan persekolahan, beliau merupakan antara ribuan mangsa askar kanak-kanak di Myanmar yang dikenali sebagai *Tatmadaw*.

"Ayah hanya pembawa beca roda tiga. Pendapatan tidak seberapa kerana hanya ambil penumpang sekitar kampung. Ibu pula terpaksa bangun awal pagi menjual kacang rebus di jalanan dan stesen bas," katanya yang sedang asyik memperbaiki motosikal cabuk itu.

Menurutnya, ketika itu, kehidupan mereka sekeluarga amat payah dan ada kalanya hanya menjamah kacang rebus lebihan jualan ibu untuk seminggu.

"Kumpulan perekrut memujuk saya menyertai tentera dan saya terima dengan satu matlamat iaitu mahu meringankan beban keluarga," katanya.

Bogale pusat rekrut

Min Paing berasal dari Bogale iaitu bandar kecil terletak di selatan Yangon, Myanmar berhampiran wilayah selatan Irawadi yang suatu masa dulu pernah digelar sebagai 'lombong emas dunia' kerana kaya dengan sumber alam.

Pada Mei 2008, ketika pemerintahan tentera, seluruh wilayah itu lumpuh susulan bedilan taufan Nargis hingga memusnahkan hampir 90 peratus rumah dan premis perniagaan termasuk 140,000 orang dilaporkan terbunuh.

Kegilaan taufan itu juga menyebabkan ramai keluarga terpisah, wanita menjadi janda dan lelaki menjadi duda termasuk ribuan kanak-kanak bergelar yatim piatu.

Pada ketika itu juga, tentera mengambil kesempatan mengambil kanak-kanak untuk dijadikan tentera. Bagi yang tidak cukup kelayakan, mereka akan kekal menjadi hamba atau hidup gelandangan.

Kesan *Tatmadaw*

Berbalik kepada kisah Min Paing, bapanya, Zaw Soe Paing, 39, terkejut apabila anak sulungnya dipaksa menjadi askar tanpa pengetahuannya ketika itu.

"Selepas taufan Nargis, saya hantar anak-anak ke gereja di Yangon kerana kehidupan kami amat payah ketika itu. Selepas setahun mereka di sana, seorang daripadanya dilaporkan hilang.

"Saya cuba menghubungi pihak gereja tetapi mereka tidak tahu tentang kehilangan Min Paing. Puas saya mengiklankan ke dalam akhbar namun tiada siapa menghubungi kami," katanya.

Dua tahun kemudian, beliau dimaklumkan, anaknya direkrut selepas menerima gambar kiriman bersama lima kanak-kanak lain lengkap dengan seragam tentera sambil memegang senjata.

Pegawai penguat kuasa undang-undang kemudiannya menghubungi beliau dan menyatakan anaknya menyertai tentera.

"Anak saya beritahu, dia tidak gembira menyertai tentera dan mahu melarikan diri," katanya.

Dibebaskan

Selepas mengetahui keadaan anaknya, Soe Paing menghubungi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertahanan untuk melepaskan anaknya dan usaha itu hanya berhasil selepas 18 bulan.

Kini, Min Paing berumur 19 tahun dan tingkah lakunya amat kasar serta tidak menghormati orang.

"Saya bimbang bukan sahaja tentang masa depannya tetapi bimbang setiap kali dia keluar rumah. Saya bimbang, sekiranya dia ditangkap semula walaupun ketika dia keluar dari tentera diberi jaminan keselamatan dan perlindungan," katanya.

Perjanjian PBB

Selepas lima tahun rundingan dilakukan, Myanmar menandatangani Pelan Tindakan Bersama Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pelan ini hanya membenarkan kanak-kanak berumur 18 tahun untuk direkrut.

Di bawah perjanjian ini, segala pengambilan di bawah umur harus dihentikan dan petugas PBB juga dibenarkan melakukan pemeriksaan mengejut di pangkalan tentera, penjara dan kawasan lain bagi memastikan tiada kanak-kanak di bawah umur dijadikan tentera.

AS\$50 (RM156) harga kanak-kanak

Pengurus program askar kanak-kanak antarabangsa Charu Lata Hogg melaporkan, sejak tahun lalu, jumlah kanak-kanak direkrut menurun tetapi amalan ini masih berlaku.

"Pegawai askar masih ke stesen bas, kereta api dan pasar untuk mencari kanak-kanak sesuai dijadikan askar," katanya.

Broker awam pula dibayar antara AS\$30 (RM95) dan AS\$50 (RM156) atau digantikan dengan satu tin minyak tanah bagi harga setiap kanak-kanak.

Kumpulan Hak Asasi

Kanak-kanak

Pegawai perhubungan Pertubuhan Buruh Antarabangsa Steve Marshall berkata, ramai kanak-kanak mempunyai dokumen pengenalan palsu.

"Jumlah direkodkan amat sedikit tetapi kami yakin 70 peratus identiti kanak-kanak di *Tatmadaw* adalah palsu," katanya.

Sejak Myanmar menandatangani perjanjian PBB pada Jun 2012 untuk menghapuskan tindakan merekrut kanak-kanak, seramai 176 orang dibebaskan.

Kali terakhir pembebasan dilakukan adalah pada Ogos 2013, dengan 68 kanak-kanak dibenarkan pulang dengan jaminan tentera dan kebajikan sosial.

